

Kenyataan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai Majlis Penuh Pada 31 Mac 2011

1. PERTUKARAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL

Adalah dimaklumkan bahawa berkuatkuasa mulai 1 Mac 2011 yang lalu, En. Mohd Ibrahim bin Md Nor telah dilantik sebagai Pengarah Pelesenan sementara Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud pula telah dilantik sebagai Pengarah Perkhidmatan Perbandaran. Ini adalah bertujuan untuk memantapkan lagi struktur organisasi MPSP dalam memberi perkhidmatan yang terbaik.

2. PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN TRANSFORMASI MPSP

Melalui pelancaran Blueprint Program Transformasi yang sempurnakan oleh Y.A.B Ketua Menteri pada 17 Ogos 2010 yang lalu, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menetapkan tahun 2011 sebagai tahun transformasi ke atas sistem penyampaian perkhidmatan yang diberikan kepada stakeholders. Mantan Yang DiPertua telah menggariskan perancangan pengurusan makro untuk MPSP (macro management).

Kesinambungan dari usaha-usaha beliau, saya selaku Yang DiPertua yang baru bersama-sama Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-ketua jabatan serta kakitangan MPSP, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menetapkan tahun 2011 sebagai Tahun Transformasi ke atas sistem penyampaian perkhidmatan yang diberikan kepada stakeholders. Terdapat Enam Bidang Keberhasilan Utama (KRA) yang perlu diberi perhatian oleh MPSP. Kami akan melaksanakan dalam bentuk pengurusan mikro (micro management) untuk menjayakan Enam Bidang Keberhasilan Utama (KRA) iaitu ;

1. Meningkatkan Kebersihan
2. Penyelenggaraan Yang Efisyen
3. Meningkatkan Tahap Keselamatan
4. Meningkatkan Keceriaan Bandar
5. Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Penguatkuasaan
6. Memantapkan Organisasi dan Proses Kerja

Bidang Keberhasilan Utama (KRA) yang diwujudkan adalah selari dengan Visi MPSP sendiri iaitu "Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan" dan Misi "Menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai" yang juga mendokong wawasan Negeri Pulau Pinang menjadi sebuah negeri bertaraf antarabangsa yang menjadi pilihan para pelabur, destinasi pilihan pelancong dan lokasi pilihan penghuni yang inginkan kehidupan mapan.

MPSP sedang berusaha untuk memberi pendidikan dan kesedaran kepada masyarakat melalui sesi Taklimat Kesedaran Kepatuhan Undang-Undang Pihak Berkuasa Tempatan dan Bandar Selamat yang telah diadakan pada 23 Mac 2011 di Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi, Butterworth. Program ini adalah di bawah KRA yang kelima iaitu Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Penguatkuasaan yang menggariskan strategi untuk Mempertingkatkan Pendidikan dan Kesedaran Kepatuhan Undang-Undang. MPSP turut mengadakan Taklimat Berkennaan Kesan Radiasi Dari Struktur Telekomunikasi pada 22 Mac 2011 di Hotel Sunway dan juga Taklimat Program Kitar Semula di Kediaman Bertingkat Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai pada 26 Mac 2011 yang lalu di Auditorium MPSP.

Disamping itu, MPSP turut mengambil tindakan penguatkuasaan di mana sepanjang Mac 2011, Jabatan Direktorat Penguatkuasaan telah mengeluarkan 11,397 tawaran kompaun letak kereta dan bayaran yang diterima adalah berjumlah RM27,140.00. Manakala jumlah kompaun halangan pula, sebanyak 303 telah dikeluarkan dan sebanyak 102 bayaran yang diterima berjumlah RM7,140.00.

Jabatan ini juga telah mengunci tayar ke atas 268 buah kenderaan dan bayaran yang diterima berjumlah RM13,400.00. Manakala bagi kompaun lesen premis pula, sebanyak 193 tawaran kompaun telah dikeluarkan dan bayaran diterima berjumlah RM6,730.00. Sebanyak 8 operasi sitaan telah dijalankan (Notis kacau Ganggu-2, Notis Menurunkan Papan Iklan-2, dan Notis Memberhentikan Perniagaan-4). Bagi kompaun pusat hiburan, sebanyak 1 tawaran kompaun telah dikeluarkan.

Selain itu, sebanyak 87 notis bangunan telah dikeluarkan iaitu 42 notis berhenti kerja, 43 notis meruntuh dan 2 notis operasi meruntuh.

Saya menyeru semua pihak untuk bekerjasama dengan kami dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada Warga Seberang Perai.

Sekian, terima kasih.